



## PEKELILING MAJIKAN BILANGAN 3 TAHUN 2026

### AKTA KESELAMATAN SOSIAL PEKERJA 1969 [AKTA 4] PELAKSANAAN SKIM LINDUNG 24 JAM DAN PEMILIHAN MAJIKAN BAGI MAKSUD PEMBAYARAN CARUMAN

---

#### 1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan dan memberi penjelasan kepada majikan dan pekerja berkenaan pelaksanaan perluasan Skim LINDUNG 24 Jam atau Skim Kemalangan Bukan Bencana Kerja (SKBBK) dan pemilihan majikan bagi maksud pembayaran caruman di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4).

#### 2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Mulai **1 Jun 2026**, Akta 4 telah dipinda melalui *Warta* Akta A1788 iaitu semua pekerja yang diliputi di bawah Akta 4 / LINDUNG Pekerja, wajib didaftar dan dicarumkan di bawah Skim LINDUNG 24 Jam. Majikan bertanggungjawab membuat potongan caruman daripada gaji pekerja mengikut kadar yang ditetapkan oleh PERKESO dan membayarnya kepada PERKESO pada setiap bulan.
- 2.2 Skim LINDUNG 24 Jam diperkenalkan bagi menyediakan perlindungan keselamatan sosial secara menyeluruh kepada pekerja melalui liputan **24 jam terhadap kemalangan yang tidak berkaitan dengan pekerjaan**, termasuk kemalangan jalan raya.

- 2.3 Sehubungan itu, jadual caruman bagi tujuan pembayaran caruman telah ditambah kepada tambahan syer pekerja bagi tujuan pembayaran perlindungan Lindung 24 Jam.
- 2.4 Ini bermakna caruman gaji pekerja mulai bulan Jun 2026, kadar carumannya hendaklah dibayar mengikut kadar caruman tambahan tersebut. Bayaran caruman bulan Jun 2026 hendaklah dibayar selewat-lewatnya pada 15 Julai 2026.
- 2.5 Selaras dengan keperluan undang-undang di bawah **Seksyen 9 Akta 4 (Pindaan)**, **setiap pekerja yang mempunyai dua majikan atau lebih pada satu-satu masa, pekerja itu hendaklah menentukan SATU sahaja majikan yang caruman itu hendaklah dibuat.**
- 2.6 **Jika pekerja itu tidak menentukan majikan pilihannya sepertimana yang dinyatakan di para 2.5 di atas, pembayaran caruman bagi pekerja itu hendaklah ditentukan oleh PERKESO mengikut cara dan masa yang ditetapkan.**

### 3. TINDAKAN MAJIKAN

- 3.1 Majikan bertanggungjawab membuat potongan caruman Skim LINDUNG 24 Jam bermula bulan carum Jun 2026 daripada gaji pekerja mengikut Jadual Caruman Akta 4 baharu dan membayarnya kepada PERKESO selewat-lewatnya 15 haribulan bulan berikutnya.
- 3.2 Majikan juga perlu memaklumkan kepada pekerja yang mempunyai lebih daripada satu majikan aktif yang mencarum pada masa yang sama, untuk membuat pemilihan majikan bagi membuat potongan caruman Skim Lindung 24 Jam melalui potongan gaji bulanan mengikut cara kaedah yang ditetapkan oleh PERKESO.

#### 4. TINDAKAN PEKERJA

- 4.1 Caruman Skim LINDUNG 24 Jam **ditanggung sepenuhnya oleh pekerja** di mana kadar caruman akan dilaksanakan secara berperingkat iaitu :
- |              |          |
|--------------|----------|
| Fasa pertama | : 0.75%, |
| Fasa kedua   | : 1.00%, |
| Fasa ketiga  | : 1.25%. |
- 4.2 Permulaan pelaksanaan, kadar caruman adalah sebanyak 0.75% daripada gaji bulanan pekerja yang merupakan tambahan daripada caruman sedia ada.
- 4.3 Sekiranya pekerja mempunyai **hanya SATU MAJIKAN aktif membayar caruman pada satu-satu masa, pekerja TIDAK PERLU MEMBUAT PEMILIHAN MAJIKAN** untuk pemotongan caruman Skim LINDUNG 24 Jam.
- 4.4 Pada 1 Jun 2026, jika pekerja mempunyai **lebih daripada satu majikan aktif membayar caruman**, notifikasi berkenaan pemilihan akan dihantar kepada pekerja atau melalui pemberitahuan kepada majikan.
- 4.5 Pekerja hendaklah memilih satu majikan untuk pembayaran caruman Skim LINDUNG 24 Jam melalui Portal Lindung Faedah di pautan, <https://lindungfaedah.perkeso.gov.my> dalam tempoh 30 hari daripada tarikh kuatkuasa 1 Jun 2026 / notifikasi diterima.
- 4.6 Sekiranya pekerja tidak mempunyai akses ke Portal tersebut, pekerja hendaklah membuat pendaftaran untuk akses pertama kali dalam Portal tersebut untuk membuat pemilihan majikan. Pemilihan boleh dibuat di tab Pemilihan Majikan berdasarkan paparan senarai majikan aktif pekerja berkenaan.

- 4.7 Selepas 1 Jun 2026 jika pekerja mempunyai lebih daripada satu majikan aktif, pekerja hendaklah membuat pemilihan majikan tersebut terlebih dahulu melalui kaedah dan ketetapan tempoh masa yang sama.
- 4.8 Panduan penggunaan Portal Lindung Faedah adalah seperti di Lampiran 1 yang disertakan untuk rujukan dan boleh dimuat turun melalui pautan, <https://www.perkeso.gov.my/images/borang/lindung24jam/TatacaraPemilihanMajikan.pdf> . Notifikasi pemilihan akan diberikan kepada pekerja setelah pemilihan majikan dibuat.
- 4.9 **Sekiranya pekerja tidak membuat pemilihan dalam tempoh 30 hari daripada tarikh notifikasi tersebut, PERKESO akan membuat pemilihan berdasarkan kriteria berikut :**
- 4.9.1 Jika pekerja mengalami kemalangan bukan bencana kerja dan telah membuat permohonan faedah, majikan yang dikemukakan dalam permohonan tersebut dianggap sebagai pemilihan pekerja untuk pemotongan caruman LINDUNG 24 Jam;
- 4.9.2 Jika bulan caruman berbeza antara dua (2) majikan, pemilihan majikan akan dibuat berdasarkan majikan yang membayar caruman terkini, atau jika sama;
- 4.9.3 Pemilihan adalah berdasarkan amaun caruman tertinggi, atau jika sama;
- 4.9.4 Pemilihan adalah berdasarkan bilangan bulan carum tertinggi.
- 4.10 PERKESO akan memaklumkan kepada majikan yang dipilih dalam tempoh empat belas (14) hari daripada tarikh pemilihan tidak dibuat oleh pekerja mengikut cara yang ditetapkan oleh PERKESO.

## 5. PEMBAYARAN CARUMAN SKIM LINDUNG 24 JAM

Pembayaran caruman boleh dibuat oleh majikan menggunakan kaedah bayaran caruman Akta 4 sebagaimana proses sedia ada.

## 6. TARIKH KUATKUASA

Pekeliling Majikan ini berkuatkuasa mulai **1 Jun 2026**.

## 7. PERTANYAAN

Sebarang kemusykilan berhubung Pekeliling ini hendaklah dikemukakan kepada pegawai kami di Talian Khidmat Pelanggan 1-300-22-8000, layari laman sesawang [www.perkeso.gov.my](http://www.perkeso.gov.my), e-mel ke [perkeso@perkeso.gov.my](mailto:perkeso@perkeso.gov.my) atau hadir ke pejabat PERKESO berhampiran.

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

***"Pekerja MADANI Kesuma Bangsa"***

  
( DATO' SRI DR. MOHAMMED AZMAN BIN AZIZ MOHAMMED )  
Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan  
**PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL**

Tarikh : | Jun 2026

**"PERKESO itu Prihatin, Prihatin itu PERKESO"**



# **PANDUAN PENGGUNA PEMILIHAN MAJIKAN OLEH PEKERJA**



## **ISI KANDUNGAN**


<b>1.0</b>	<b>PENDAFTARAN PORTAL</b>	<b>2</b>
<b>2.0</b>	<b>PEMILIHAN MAJIKAN OLEH PEKERJA</b>	<b>5</b>

## 1.0 PENDAFTARAN PORTAL




**Langkah 1.1** - Log Masuk Portal Permohonan Faedah melalui pautan : <https://lindungfaedah.perkeso.gov.my>

- Sila klik '**Daftar Sekarang**' bagi Pendaftaran Pengguna



**Langkah 1.2** - Sila lengkapkan maklumat seperti berikut :

- i. **Nama Penuh** (Seperti dalam KPPN)
  - ii. **No. Kad Pengenalan**
  - iii. **Emel**
  - iv. **Tetapkan Kata Laluan** (kata laluan mesti mempunyai sekurang-kurangnya 8 aksara dan 1 simbol (@#\$%^&\*))
- Tanda '✓' pada persetujuan syarat Pengguna
  - Sila klik '**Daftar Akaun**' setelah maklumat lengkap diisi




**Langkah 1.3** - Pengguna akan menerima emel selepas klik 'Daftar Akaun'. Sila klik 'Klik Disini' untuk pengaktifan.




**Langkah 1.4** - Sistem akan auto memaparkan Emel dan Kata Laluan pengguna, sila klik 'Log Masuk'



**Langkah 1.5 - Sila lengkapkan Maklumat Pemohon dan klik 'Seterusnya'**



**Langkah 1.6 – Pengguna wajib Muat Naik Dokumen iaitu Gambar Kad Pengenalan Depan dan Belakang**  
 \*Pastikan gambar KPPN adalah jelas




**Langkah 1.7 - Sila ambil Gambar Swafoto dan pastikan muka di tengah bulatan hijau**

**Langkah 1.8** – Pengguna perlu membuat **Pengesahan Pengisytiharan** dan tandakan pada ruangan yang disediakan


**Langkah 1.9** – Sila klik **'Hantar'** setelah semua maklumat lengkap diisi




## 2.0 PEMILIHAN MAJIKAN OLEH PEKERJA



**Langkah 2.1** – Sila klik tab **'Pemilihan Majikan'** untuk membuat pemilihan majikan bagi potongan caruman Skim Lindung 24 Jam



**Langkah 2.2** – Senarai majikan dipaparkan di skrin. Sila pilih satu (1) sahaja majikan yang dipaparkan di skrin dengan klik ‘**Pilih**’



**Langkah 2.3** – Sila klik ‘**Hantar**’ setelah membuat pilihan



**Langkah 2.4** – Sila klik ‘**OK**’



ALIBINABU

**Berang Pilihan Majikan bagi Potongan Caruman Pekerja untuk Skim Lindung 24 Jam / Skim Keselamatan Bukan Bencana Kerja (SICBKC)**

nama pekerja (nama samaran) NO KAD  
**ALI BIN ABU 81126500708**

Berkuat 1 Jun 2026, PERKESO akan memperkenalkan Skim Lindung 24 Jam yang mana hanya meliputi perkhidmatan 24 jam bagi keselamatan yang tidak berkaitan dengan pekerjaan. Sila pilih Tamakan yang masih aktif untuk potongan caruman tamakan bagi Skim ini sebelum atau pada 30 Jun 2026.

Maklumat Majikan		
#	MAKAN-MAKAN	KOD MAJIKAN
1	MAKAN-MAKAN ENTERPRISE	832101011M
2	SYARIKAT ABC SDN. BHD	832101014M

Majikan dipilih: **MAKAN-MAKAN ENTERPRISE** Kod: **832101011M**

© 2024 Mersaple Travel/Pharm, Lintang | PPRM4008

**Langkah 2.5 – Majikan yang dipilih oleh pekerja akan dipaparkan di skrin dengan tag sebagai ‘Dipilih’**